



LAWATAN KERJA YB MENTERI HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN KE MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM, SELANGOR



Pada 17 Februari 2020, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin telah meluangkan masa melawat Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Turut bersama-sama beliau dalam lawatan ini ialah Dato' Noor Ihsan Bin Haji Che Mat, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT). Dalam lawatan ini, YB Zuraida menegaskan agar kesejahteraan dan kesejahteraan rakyat hendaklah diberi keutamaan pada setiap masa.

Pada masa yang sama, beliau turut mengingatkan Ahli-ahli MBSA supaya sentiasa mendekati rakyat setempat yang perlu dilihat sebagai “*outcome*” yang dinilai melalui Indeks Prestasi Utama (KPI) ahli Majlis manakala membolehkan rakyat memahami justifikasi seorang ahli majlis yang dipilih.

Beliau juga mengingatkan pegawai MBSA untuk terus meningkatkan penguatkuasaan dengan lebih efektif dan berkesan supaya khidmat kepada rakyat boleh dilaksanakan secara teratur dan tersusun. Selain itu, beliau melihat kejayaan yang dicapai oleh MBSA itu dapat dikongsi dengan PBT lain diseluruh negara dengan cara mengambil “PBT lain sebagai PBT angkat” supaya pembangunan di kawasan lain juga boleh dicapai secara teratur dan sistematik.

